

22/06/2002

Didikan agama lahir bangsa bermaruah

Halina Mohd Noor

MAHU atau tidak, masyarakat seharusnya menerima dengan hati terbuka kritikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kelalaian ibu bapa terhadap tanggungjawab membesarkan anak, terutama dalam bidang pendidikan dan agama demi generasi masa depan.

Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, berkata ia adalah hakikat yang perlu disadari oleh orang ramai kerana ibu bapa hari ini lebih mengejar kebendaan duniawi sehingga terlupa untuk melengkapkan anak dengan nilai murni dan rohani. Terangnya masalah ini bukan saja masalah orang Melayu tetapi semua masyarakat.

"Ibu bapa hari ini sibuk dengan urusan kerja dan peribadi masing-masing. Bagi yang berpolitik, sampai lupa anak dan keluarga.

"Masing-masing sibuk berusaha memuaskan impian dalam kerjaya dan sebagainya sehingga anak tercicir ke belakang. Ini bukan masalah orang Melayu saja tetapi semua masyarakat yang terlalu mengejar material," katanya yang mahu masalah ini ditangani bersama oleh semua pihak seperti guru, ahli politik dan sebagainya.

Katanya, perceraian yang semakin meningkat dalam masyarakat hari ini juga adalah faktor kepincangan anak muda kini. Bapa tidak menjalankan tanggungjawab, menjadi contoh tidak baik kepada anak, terutama remaja lelaki yang secara langsung pasti terikut dengan tingkah laku negatif.

"Tabiat kahwin lebih dan bersikap tidak adil menyebabkan anak kucar-kacir. Akibatnya anak tidak mendapat asuhan dan didikan sewajarnya daripada bapa.

"Tugas mendidik anak bukan tugas ibu semata-mata tetapi memerlukan kerjasama daripada ayah. Itulah sebab anak remaja jadi degil kerana bapa tidak tunjuk teladan baik," katanya yang turut mempersoalkan kelonggaran undang-undang keluarga Islam menyebabkan hak wanita dan kanak-kanak terabai.

Selain itu, Azalina juga turut bersetuju agama perlu diberikan penekanan dalam sistem pendidikan hari ini bagi menangani gejala sosial. Beliau menjadikan contoh anak kecil di Johor mempelajari fardhu ain yang mantap dan sebagai hasilnya tidak mudah terpengaruh dengan unsur luar.

"Agama penting dalam mendidik bangsa bermaruah terutama dalam keadaan keruntuhan moral masyarakat hari ini. Perubahan sistem pendidikan mungkin perlu diubah untuk memastikan agama diberikan penekanan.

"Guru juga perlu lebih tegas dalam mendidik pelajar. Sayangnya hari ini terdapat guru yang turut sibuk dengan hal peribadi mereka seperti sibuk berpolitik, berniaga dan sebagainya sehingga mereka mengabaikan tanggungjawab sebenar," katanya yang turut kecewa dengan sikap sesetengah guru menolak untuk bertugas di luar bandar kerana mementingkan diri.

"Guru bahasa Inggeris dan pelajar yang mengambil TESL sanggup meminta kelonggaran seperti membayar balik kepada kementerian semata-mata untuk mengelak daripada mengajar di sekolah luar bandar.

"Ini amat menyedihkan kerana khidmat mereka sememangnya amat diperlukan di sana. Sebaiknya Kementerian Pendidikan lebih bersikap tegas dalam hal ini," katanya yang ditemui ketika menderma darah di pusat derma darah anjuran Puteri Umno dan Biro Tindakan Sivil Umno.

Kempen menderma darah dengan tema Setitis Darah Satu Perjuangan itu adalah acara tahunan yang diadakan setiap kali berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno. Ia adalah acara kali kedua yang dianjurkan sejak tahun lalu.

"Sedari pagi kita sudah menerima banyak penderma dari ahli Puteri dan

dermawan Melayu. Sambil berjuang untuk bangsa, kita juga tidak melupakan mereka yang memerlukan," katanya.

(END)